

16/04/1999

Isu air: Pas tidak hantar wakil

KOTA BHARU, Khamis - Kerajaan Pas gagal menghantar wakilnya ke Forum Pengguna Air Kelantan hari ini, menyebabkan banyak persoalan mengenai isu bekalan air yang semakin serius di negeri itu sejak tiga tahun lalu, tidak mendapat penjelasan.

Tindakan itu jelas mencerminkan sikap mereka yang tidak yakin untuk berdepan dengan pengguna, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Beliau berkata, undangan sudah dibuat terhadap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemudahan Awam dan Kesihatan, Hassan Abdullah, bagi memberi ruang wakil kerajaan negeri membuat penjelasan atau memberi pandangan.

"Forum hari ini boleh dijadikan platform untuk wakil kerajaan negeri menjelaskan pandangan mereka kerana kita bukan ingin membuat sebarang tuduhan, hanya memberi makluman kepada rakyat.

"Apabila (wakilnya) tidak hadir, banyak perkara tidak dapat dijelaskan dan ini tidak memberi keuntungan kepada kerajaan negeri," katanya selepas merasmikan Forum Pengguna Air Kelantan di sini, hari ini.

Forum anjuran Persatuan Pengguna Kelantan itu turut dihadiri Presidennya, Yusoff Ahmad; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kemahang, Mohd Adhan Kechik.

Walaupun tanpa kehadiran wakil kerajaan Pas Kelantan, forum itu tetap berjalan lancar dan mendapat sambutan menggalakkan apabila lebih 300 orang terdiri daripada kakitangan kerajaan, peniaga, pemimpin masyarakat, ahli Persatuan Pengguna Kelantan (PPK) dan ahli politik, hadir.

Forum seumpama itu pertama kali diadakan anjuran PPK untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai masalah bekalan air di negeri ini, lebih-lebih lagi selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Pusat bersetuju meluluskan pinjaman mudah berjumlah RM600 juta kepada kerajaan negeri.

Annuar berkata, pihaknya tidak menganggap forum itu dalam konteks menyelesaikan masalah bekalan air di Kelantan kerana ia berada di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

(END)